



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

---

**GARIS PANDUAN PENYENARAIAAN  
PREMIS MAKANAN DIPROSES MINIMA  
(MINIMALLY PROCESSED)  
KE SINGAPURA**

**(MULAI 1 SEPTEMBER 2016)**

---

# GARIS PANDUAN PENYENARAIAAN PREMIS MAKANAN DIPROSES MINIMA KE SINGAPURA

---

## 1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan protokol ini adalah untuk menguruskan tatacara penyenaiaian premis makanan diproses minima ke Singapura bagi memastikan ianya mematuhi syarat yang ditetapkan oleh AVA Singapura.
- 1.2 Protokol ini dapat menyeragamkan aspek permohonan untuk Penyenaiaian Premis Makanan Diproses Minima Ke Singapura.

## 2. SKOP

- 2.1 Garispanduan ini terpakai bagi pengeksportan makanan yang diproses secara minima ke Singapura seperti berikut:
  - 2.1.1 **Tebu (sugarcane):**

meliputi hasil tebu, segar atau dingin, dipotong dengan kulit atau tanpa kulit
  - 2.1.2 **Kelapa (coconut):**
    - a) *Deshelled coconut*
    - b) *Coconut pulp*
    - c) *Polished coconut*
    - d) *Trimmed coconut*
    - e) *Grated coconut*
  - 2.1.3 **Buah-buahan dan Sayur-sayuran (Fruits and Vegetables):**

Meliputi buah-buahan dan sayur-sayuran segar yang telah dikupas, dibuang biji, dihiris, dicincang atau dipotong, dibersihkan sebelum dibungkus dan sedia untuk dimakan.

## 3. SYARAT-SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN DAN PENYENARAIAAN

- 3.1 Permohonan bagi penyenaiaian premis makanan diproses minima ke Singapura boleh dibuat di Cawangan Eksport, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 3.2 Permohonan oleh syarikat yang berdaftar di negara ini:
  - 3.2.1 Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

- 3.2.2 Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pendaftaran Premis Makanan dan borang (Borang KKM-PPKM-1/09) boleh diperolehi secara *online* melalui laman sesawang <http://fosimdomestic.moh.gov.my>.
- 3.2.3 Premis mempunyai lesen atau kelulusan daripada PBT atau surat pengesahan dari mana-mana agensi kerajaan.
- 3.4 Premis pengeksport mematuhi keperluan negara pengimport dan Akta Makanan 1983 serta peraturan-peraturan di bawahnya.
- 3.5 Premis pemprosesan untuk produk yang dieksport perlu **melaksanakan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)** sekurang-kurangnya Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).
- 3.6 Pelabelan pada bungkusan makanan yang mematuhi kriteria berikut:
- 3.6.1 Mempunyai "**nama sebutan sebenar**" produk;
- 3.6.2 **Tiada sebarang akuan yang tidak dibenarkan**; dan
- 3.6.3 Mempunyai **nama syarikat** yang bertanggungjawab ke atas produk
- 3.7 Syarikat boleh dikeluarkan dari Senarai Pengeksport Makanan Diproses Minima ke Singapura sekiranya:
- 3.7.1 Surveilan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) atau Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) atau Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) mendapati pihak **syarikat tidak mengekalkan kepatuhan** terhadap keperluan yang ditetapkan; atau
- 3.7.2 Terlibat dengan **kejadian keracunan makanan**; atau
- 3.7.3 Syarikat **tidak lagi beroperasi** di premis yang dilesenkan; atau
- 3.7.4 Terlibat dengan **penolakan/perlanggaran** bagi pengeksportan ke Singapura.
- 3.8 Sebarang penambahan produk atau penukaran nama atau alamat premis, pemohon perlu mengemukakan surat rasmi bersama borong permohonan lengkap kepada Cawangan Eksport, BKKM (Ibu Pejabat). Tiada fi dikenakan.
- 3.9 Audit dijalankan oleh JKN atau PKD/PKB/PKK ke atas premis berkenaan dan produk yang terlibat.

- 3.9.1 Tindakan pembedahan yang memuaskan diambil ke atas semua ketidakpatuhan yang ditemui semasa audit. Semua *Corrective Action Request* (CAR) perlu ditutup dengan lengkap sebelum penyenaiaan diberi.
- 3.9.2 Permohonan bagi penyenaiaan atau pembaharuan akan dibatalkan sekiranya CAR tidak ditutup dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh CAR dikeluarkan. Pemohon perlu mengemukakan permohonan baru mengikut prosedur sedia ada.
- 3.10 Premis pengeksport perlu memastikan produk yang dieksport **mematuhi keperluan negara pengimport** melalui verifikasi sendiri (own check).

#### 4. PERMOHONANAN

- 4.1 Permohonan perlu dikemukakan dengan menggunakan Borang KKM/163/MPF-EX/F-02 seperti di **Lampiran 1**.
- 4.2 Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan adalah seperti berikut :
- a) Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
  - b) Sijil Pendaftaran Premis/Slip pendaftaran premis dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
  - c) Lesen pengilangan atau kelulusan daripada PBT atau surat pengesahan dari mana-mana agensi kerajaan.
- 4.3 Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapi.

#### 5. FI PENYENARAIAAN PREMIS MAKANAN DIPROSES MINIMA KE SINGAPURA DAN TEMPOH SAH LAKU

##### 5.1 Mempunyai sijil GMP/HACCP KKM

Perkara	Tempoh Sah Laku	Fi (per sijil)
(a) Permohonan baru	3 tahun	RM 1000.00
(b) Pembaharuan	3 tahun	RM 1000.00
(c) Surveilan	3 tahun	RM 1000.00

## 5.2 Tanpa sijil GMP/HACCP KKM

<b>Perkara</b>	<b>Tempoh Sah Laku</b>	<b>Fi (per sijil)</b>
(a) Permohonan baru	3 tahun	RM 2000.00
(b) Pembaharuan	3 tahun	RM 2000.00
(c) Surveilan	3 tahun	RM 1700.00

5.3 **Fi permohonan baru atau pembaharuan perlu dibayar bersama fi surveilan.**

5.4 Bayaran fi tersebut perlu dibuat di dalam bentuk deraf bank / kiriman wang / wang pos di atas nama **“Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia”** dan hendaklah dikemukakan ke BKKM (Ibu Pejabat).

## 6. PENSAMPELAN

6.1 Pensampelan dijalankan mengikut kehendak negara pengimport dan Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan dibawahnya.

6.2 Persampelan akan dijalankan oleh JKN atau PKD/PKB/PKK dan sampel dihantar ke Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan (MKKM) pada:

6.2.1 **permohonan pertama kali**

6.2.2 **semasa audit surveilan sekurang-kurangnya sekali setahun**

6.2.3 **permohonan pembaharuan**

6.3 Keputusan analisa mematuhi keperluan negara pengimport atau Peraturan Makanan 1985.

## 7. PEMBAHARUAN

7.1 Permohonan bagi pembaharuan penyenaiaan perlu dikemukakan **tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku.**

7.2 Prosedur bagi permohonan pembaharuan adalah mengikut prosedur permohonan yang terkandung di dalam dokumen ini.

**8. SURVEILAN**

Audit surveilan akan dijalankan ke atas premis pengeksport makanan diproses minima ke Singapura yang telah disenaraikan dengan KKM sekurang-kurangnya sekali dalam setahun selama 3 tahun.

**9. TEMPOH SAH LAKU PENYENARAIAN**

Penyenaraian Premis Makanan Diproses Minima Ke Singapura ini sah untuk **tiga (3) tahun**.

**10. PENGHANTARAN PERMOHONAN**

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang telah ditetapkan hendaklah dihantar kepada:

Pengarah Kanan

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 4, Menara Prisma

No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3

62675 Putrajaya


(u/p: Cawangan Eksport)

Tel: +603 – 8885 0797


Fax: +603 – 8885 0790

Laman Web BKKM : <http://fsq.moh.gov.my>

**Carta Alir Proses Penyeranaan Premis Makanan Diproses Minima ke Singapura  
(Permohonan Pertama Kali dan Pembaharuan)  
Mempunyai MeSTI/GMP/HACCP KKM**



**Carta Alir Proses Penyenaraian Premis Makanan Diproses Minima ke Singapura**  
**(Permohonan Pertama Kali dan Pembaharuan)**  
**Tanpa MeSTI/GMP/HACCP KKM**







**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**  
**BORANG PERMOHONAN PENYENARAIAAN PREMIS MAKANAN DIPROSES MINIMA KE  
SINGAPURA /  
APPLICATION FORM FOR LISTING OF MINIMALLY PROCESSED FOOD PREMISE TO  
SINGAPORE**

**Jenis Permohonan / Type of Application**

Baru / New

Permohonan Pembaharuan / Renewal

**Jenis Perniagaan / Type of Business**

Pengeluaran / Production

Pembungkusan Semula / Repacking

Subkontrak / Subcontract

**Maklumat Asas Pemohon / Particulars of Applicant**

1. Nama Pemohon :  
Name of Applicant :

2. No. Kad Pengenalan :  
I/C Number :

3. Nama Syarikat :  
Name of Company :

4. Alamat Syarikat :  
Address of Company :

5. Alamat Surat-Menyurat :  
(Jika berlainan)  
Corresponding Address :  
(If different)

6. Nama dan Alamat Premis  
Pengeluaran :  
Name and Address of  
Production Premises :

7. No. Pendaftaran Premis <i>Premise Registration No.</i>	<input type="text"/>
8. Nama dan Alamat Ladang : <i>Name and address of farm(s) :</i>	<input type="text"/>
9. No Pendaftaran Syarikat : (sertakan ROC) <i>Company Registration No. : (to attach ROC)</i>	<input type="text"/>
10 No. Lesen Premis Pengeluaran Dari Agensi Kerajaan / <i>Licence No. of Production Premises issued by Government Agency</i>	<input type="text"/>
11.No. Telefon Pejabat : <i>Office Telephone Number :</i>	<input type="text"/>
12. No. Telefon Bimbit : <i>Mobile Telephone Number :</i>	<input type="text"/>
13. No. Faks : <i>Fax No. :</i>	<input type="text"/>
14. Alamat E-mail : <i>E-mail Address :</i>	<input type="text"/>
15. Jumlah pekerja dipremis Pengeluaran / <i>Numbers of Workers</i>	<input type="text"/>
16. Pengeluaran Setahun/ <i>Production per year :</i>	
i) Jumlah Keseluruhan : <i>Total Production :</i>	<input type="text"/> <i>tonne</i>
ii) Jumlah Eksport : <i>Total Export :</i>	<input type="text"/> <i>tonne</i>

### Senarai Produk / List of Product(s)

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

(Gunakan lampiran berasingan jika ruang tidak mencukupi / Please use separate attachment if space is not enough)

### Pelabelan / Labeling

Sila tandakan ( / ) / Please tick ( / )

#### Kandungan minimum pada label / Minimum content of label:

- Jenis produk / Type of product
- Sumber (alamat ladang) / Source (farm address)
- Berat Bersih / Net Weight
- Nama dan alamat pengimport / Name and address of importers
- Negara asal / Country of origin
- Cara penyimpanan / Storage method
- Cara penggunaan (e.g. Basuh sebelum guna) / Usage method (e.g. Wash before use)

### Pembungkusan / Packaging

Sila nyatakan / Please state:

Jenis Pembungkusan / Type of packaging	
Kaedah Pembungkusan / Method of packaging	

### Pengangkutan / Transportation

Sila nyatakan / Please state:

Jenis / Type	
Kaedah / Method of Transportation	

**Pengakuan Pemohon / Applicant's Declaration**

Saya / I, .....

(Nama Pemohon)  
(Name of Applicant)

Jawatan / : .....

Designation

dengan ini mengaku bahawa ke semua maklumat yang diberikan di atas adalah benar.  
*hereby, declare that all the above information is true.*

Tarikh / Date : .....

Cop syarikat / Company  
stamp

.....

Tandatangan pemohon/  
Signature of applicant

-----

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/ FOR OFFICE USE**

No. rujukan / Ref. No.

Tarikh terima / Date of receipt:

Status permohonan/ Status of Application:

i. Terima / Accept

ii. Tolak / Reject

Disemak oleh/ Checked by

Disahkan oleh/ Verified by

Nama/Name : .....

Nama/Name:.....

Tarikh/Date .....

Tarikh/Date: .....



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**SENARAI SEMAK KECUKUPAN PERMOHONAN PENYENARAIAAN PREMIS MAKANAN**  
**DIPROSES MINIMA KE SINGAPURA**

1.	Nama Syarikat		
2.	Alamat Premis Pengeluar		
Bil.	Perkara	Diisi oleh Pemohon	Untuk Kegunaan Pejabat
		Ada (/) / Tiada (X)	Catatan
1	Borang permohonan <b>KKM-163/MPF-EX/F-02</b>		
2	Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan Syarikat (Form 9/13)		
3	Nombor pendaftaran premis daripada Kementerian Kesihatan Malaysia		
4	Sebarang dokumen yang membuktikan syarikat beroperasi dengan sah di premis pemohon dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti lesen kilang atau lesen perniagaan		
5	Dokumen Sokongan:		
5.1	Label produk		
5.2	Pelan lantai dan lokasi kilang		
5.3	Carta Alir Pemprosesan produk		
5.4	<i>Standard Operating Procedure (SOP)</i>		
5.5	Lain-lain dokumen :		

Untuk Kegunaan Pejabat

Status : Lengkap

Tidak lengkap

Tindakan:

---

Diproses oleh: .....

Nama & Jawatan:

Tarikh: